

*Pembelajaran Lisan Melalui iTunes***Julinda Hassan**

Julinda_hassan@moe.edu.sg

Sarimah Ahmad

sarimah_ahmad@ngeeannsec.edu.sg

Sekolah Menengah Ngee Ann

Abstrak

Kertas ini membincangkan penggunaan *iTunes U* dalam menggalakkan pembelajaran sendiri bagi pembelajaran Bahasa Melayu khususnya komponen lisan berdasarkan klip video. Pelajar sering kali bergantung kepada guru untuk membantu mereka bagi aktiviti lisan telah menyebabkan pengajaran dan pembelajaran Bahasa Melayu menjadi sesuatu yang pasif sekaligus tidak memperlihatkan tahap penglibatan pelajar yang tinggi. Sejalan dengan gagasan Kecekapan Abad ke-21, kajian ini mengharapkan pendekatan ini dapat melatih para pelajar berdikari, iaitu salah satu kecekapan abad ke-21 yang perlu dikuasai oleh pelajar. Dalam kajian ini, pelajar Menengah 1 dan 2 Bahasa Melayu (Ekspres) didedahkan kepada penggunaan *iTunes U* di dalam kelas. Mereka diberikan autonomi dan tanggungjawab di atas pembelajaran mereka sendiri melalui nota-nota dan juga bahan audio dan video yang dimuatnaikkan ke dalam kursus dalam talian yang dibina oleh guru. Selain itu, pelajar diberikan kesempatan berinteraksi melalui forum yang juga disediakan melalui *iTunes U*. Tepat dengan citarasa generasi pribumi digital ini, dapatan kajian menunjukkan respons yang memberangsangkan yang membuktikan tahap pelibatan pelajar yang tinggi dalam sesi-sesi pengajaran. Malah, para pelajar juga memperlihatkan keyakinan yang tinggi sewaktu ujian dan peperiksaan lisan berdasarkan video yang dijalankan di sekolah.

Kata Kunci: Pembelajaran Kendiri, Lisan, Teknologi Digital, Kolaborasi, *iTunes U*



PENGENALAN

Sebagai generasi pribumi digital, para pelajar kita sudah tidak lagi terangsang dengan kaedah pengajaran yang dipanggil '*chalk and talk*'. Teknologi yang semakin canggih dan maju kini dijadikan sandaran bagi ramai pendidik yang sentiasa dalam pencarian untuk mempertingkatkan pedagogi pengajaran demi memastikan pelajar sentiasa aktif dalam pembelajaran mereka. Dalam pada itu, para guru juga berhadapan dengan satu cabaran dalam melahirkan generasi masa depan yang dilengkapi dengan kemahiran-kemahiran yang diperlukan dalam abad ke-21 ini. Cabaran-cabaran ini merupakan sesuatu yang genting buat masa kini kerana jika tiada intervensi, pembelajaran Bahasa Melayu tidak dapat kekal relevan dan dianggap tidak menarik dan membosankan.

Ditambah lagi dengan profil para pelajar yang semakin rencam, pengajaran Bahasa Melayu menjadi lebih mencabar dan memerlukan ketekunan pihak guru untuk memikirkan strategi pengajaran yang bukan sahaja dapat meningkatkan pelibatan pelajar, malah merangkumi pengajaran berpusatkan pelajar, pembelajaran sendiri dan penilaian yang dapat dilaksanakan rakan sebaya. Justeru, dengan berbekalkan pemahaman mengenai kecenderungan para pelajar masa kini, para guru pengkaji cuba untuk menggabungkan penggunaan teknologi digital dengan pendekatan Pembelajaran Murid Secara Terarah atau *Self-Directed Learning* (SDL) dan Pembelajaran Kolaboratif atau *Collaborative Learning* (CoL) dalam pengajaran dan pembelajaran lisan melalui penggunaan *iTunes U*.

PERNYATAAN MASALAH

Sebut sahaja tentang peperiksaan lisan mahupun latihan lisan di dalam kelas, para pelajar akan memberikan respons yang kurang memberangsangkan. Ada yang menggeruni komponen lisan ini sehinggakan tidak dapat berkata-kata di hadapan guru pemeriksa. Bermula tahun 2016, buat pertama kalinya, peperiksaan lisan bagi GCE peringkat 'O' akan menggunakan video sebagai bahan rangsangan. Justeru, kumpulan guru pengkaji melihat perubahan ini sebagai sesuatu yang boleh dijadikan fokus di dalam kajian tindakan mereka.



Kumpulan guru pengkaji juga sedar akan hakikat bahawa para guru menghadapi pelbagai cabaran dalam memastikan para pelajar memperoleh pelbagai kemahiran baharu dek keterbatasan waktu. Pelbagai tuntutan yang perlu dilaksanakan menyebabkan waktu yang dikhususkan untuk pengajaran dan pembelajaran Bahasa Melayu itu seperti tidak mencukupi. Dengan penggunaan *iTunes U* ini, para pelajar dapat meneruskan pembelajaran mereka di luar darjah dan di dalam talian. Kaedah ini membantu guru dalam memastikan bahawa pembelajaran lisan itu bersifat berterusan, bukanlah sekadar satu atau dua sesi pengajaran sahaja.

Selain itu, para guru pengkaji juga mendapati bahawa pengajaran lisan yang berpusatkan guru menyebabkan para pelajar kurang aktif dalam pembelajaran. Hal ini menimbulkan tanggapan bahawa pembelajaran lisan, sekaligus, pembelajaran Bahasa Melayu, sebagai sesuatu yang membosankan. Pelajar sekadar mencatatkan nota perbincangan di dalam kelas (jika ada), kemudian melupakannya sehinggalah tiba masanya untuk menduduki peperiksaan lisan. Natiujahnya, keputusan peperiksaan lisan di peringkat nasional seringkali tidak begitu memuaskan. *iTunes U* merupakan platform yang ideal bagi para pelajar Sekolah Menengah Ngee Ann kerana mengizinkan mereka berkolaborasi antara satu sama lain melalui aktiviti-aktiviti seperti yang terdapat di bawah setiap rangka kursus bagi pengajaran lisan yang telah disiapkan oleh kumpulan guru pengkaji. Para pelajar juga diberi kesempatan untuk mendalami setiap topik yang diberikan, berkongsi dengan rakan-rakan melalui ruangan forum, lantas menunjukkan sikap tanggung jawab yang tinggi terhadap pembelajaran mereka.

TUJUAN PENILAIAN

Tujuan kajian ini adalah untuk:

1. menilai keberkesanan penggunaan *iTunes U* dalam pengajaran dan pembelajaran lisan
2. meningkatkan keupayaan pelajar dalam kemahiran lisan sekaligus membantu mempersiapkan pelajar bagi peperiksaan lisan
3. menggalakkan pembelajaran aktif melalui pendekatan Pembelajaran Murid Secara Terarah (SDL) dan Pembelajaran Kolaboratif (CoL)



KAJIAN LEPAS

Pembelajaran secara kolaboratif bukan sesuatu yang asing lagi dalam dunia pendidikan. Pembelajaran kolaboratif dikatakan membolehkan pelajar belajar secara aktif. Jonassen (1996) berpendapat bahawa pelajar melalui suatu proses pembelajaran yang memungkinkan interaksi dan komunikasi selain membina pengetahuan yang lebih bermakna. Dengan menggabungkan pendekatan pembelajaran kolaboratif ini dengan teknologi, para pelajar bukan sahaja dapat memenuhi citarasa mereka sebagai generasi pribumi digital malah dapat juga memperoleh kemahiran-kemahiran penting yang dinyatakan di dalam gagasan *Kecekapan Abad ke-21*.

Dalam kursus dalam talian yang dimuatnaikkan oleh Dr Eric Marvin dalam aplikasi *iTunes U*, beliau mengatakan bahawa lebih daripada 1.5 juta *iPad* digunakan di institusi-institusi pendidikan di seluruh dunia. Setiap minggu, ada sahaja sekolah yang mengimplementasikan penggunaan *iPad* di dalam bilik darjah. Menurutny lagi, penerapan teknologi dalam pengajaran amat tepat kerana teknologi merupakan alat yang dapat membantu dalam pembelajaran berpusatkan masalah. Teknologi juga dapat dijadikan motivasi dan meningkatkan pelibatan pelajar di dalam kelas.

Menurut Prensky (2012) dalam makalahnya yang berjudul *From Digital Natives to Digital Wisdom*, para guru perlu melihat semula peranan teknologi dalam membentuk keperibadian dan pemikiran para pelajar. Beliau mengusulkan agar kebolehan semula jadi para pelajar kini selaku pribumi digital tidak boleh diabaikan apatah lagi dibenarkan untuk berfungsi tanpa sebarang panduan. Dengan itu, Marc Prensky menggalakkan para guru untuk memperkasa para pelajar untuk '*...acquire digital wisdom...*' melalui keserasian mereka dalam alam dalam talian. Justeru, dengan profil para pelajar yang sudah berubah, memang tepatlah jika para pendidik cuba memanfaatkan wadah yang semakin meluas dan berkembang pesat ini dan membuat penyesuaian dalam strategi pengajaran secara amnya.

KAEDAH KAJIAN

Subjek Kajian

270



Memperelok Budi Memperindah Bahasa

Kumpulan sasaran bagi kajian tindakan ini merupakan para pelajar Menengah 1 dan 2 Ekspres yang mengambil Bahasa Melayu sebagai bahasa ibunda. Kedua-dua peringkat dan aliran ini dipilih sebagai subjek kajian memandangkan mereka merupakan golongan pelajar yang sudah memiliki *iPad* sebagai alat pembelajaran di dalam kelas (1:1 *computing*). Mereka terdiri daripada 42 orang pelajar yang memiliki tahap kemahiran yang pelbagai. Setiap responden diberi arahan agar melengkapkan tugas yang disediakan dengan menggunakan *iPad* setelah menerima pemberitahuan guru sepanjang dua bulan kursus melalui *iTunes U* ini dijalankan.

Instrumen Kajian

Kajian ini menggunakan pengumpulan data kualitatif dan kuantitatif.

Bagi pelajar Menengah 1 Ekspres

Pemerhatian dan pengamatan guru memberikan gambaran sejauh mana penggunaan *iTunes U* dapat membantu pelajar dalam memperoleh kemahiran-kemahiran tertentu dalam pembelajaran lisan. Guru juga menjalankan wawancara bersama pelajar dalam kumpulan-kumpulan kecil bagi mendapatkan maklum balas daripada mereka tentang keberkesanan *iTunes U* sebagai platform digital yang berkesan dalam pembelajaran.

Bagi pelajar Menengah 2 Ekspres

Selain data kualitatif dalam bentuk borang soal selidik dan wawancara informal, pasukan guru pengkaji juga mengambil markah peperiksaan lisan pada tahun 2014, di mana pengajaran lisan dijalankan tanpa platform digital, dan markah daripada prapeperiksaan lisan pada tahun 2015 sebagai perbandingan.

Prosedur Kajian

Sebelum Pelaksanaan

Sebagai langkah pertama dalam kajian tindakan ini, pasukan guru pengkaji telah berbincang dan melakar rangka kursus bagi pengajaran lisan yang



dirancang. Pasukan guru pengkaji memberi saranan-saranan mereka bagi langkah-langkah dan prosedur pengajaran dari awal hingga akhir, termasuk juga aspek penilaian. Melalui proses ini, prosedur kajian dapat dipastikan berjalan secara sistematik, dengan garis waktu yang sesuai dan terbaik ditentukan. Pengumpulan bahan juga dijalankan dalam jangka waktu ini sebelum semuanya disemak dan dimuatnaikkan ke dalam platform *iTunes U*. Guru-guru bagi kelas-kelas sasaran juga diberi taklimat dan memperkemas bahagian-bahagian yang perlu.

Sewaktu Pelaksanaan

Setiap responden diarahkan agar memuat turun aplikasi *iTunes U* di dalam *iPad* mereka. Mereka juga diberi taklimat ringkas dan dilengkapi dengan pengetahuan menyeluruh tentang aplikasi *iTunes U* sebelum kursus lisan dijalankan. Para pelajar akan menumpukan perhatian mereka terhadap komponen bacaan lantang selama dua minggu pertama. Para guru pengkaji telah memuatnaikkan sebuah klip video yang memaparkan seorang pembaca berita. Berdasarkan klip video tersebut, pelajar perlu memberikan komen dan pendapat mereka mengenai cara pembacaan yang dipaparkan. Di sini, guru bertindak sebagai fasilitator. Pelajar akan menilai mengikut aspek-aspek yang telah dikemukakan di dalam nota yang juga dimuatnaikkan ke dalam platform tersebut. Melalui proses ini, diharapkan para responden dapat menjana sebuah perbincangan yang sekaligus meningkatkan kesedaran dan pengetahuan mereka tentang pembacaan yang cemerlang.

Pada minggu yang seterusnya, guru akan memberikan pemberitahuan kepada para responden agar memulakan tugas yang kedua. Di peringkat ini, pelajar akan membaca teks yang dimuatnaikkan dan merakamnya, menggunakan perisian yang disediakan. Rakaman tersebut kemudian dimuatnaikkan oleh para pelajar itu sendiri, dan dinilai oleh rakan-rakan sekelas dengan menggunakan rubrik yang telah disediakan.

Bagi lima minggu seterusnya, tumpuan diberikan pula kepada komponen perbualan dan perbincangan berdasarkan video. Pasukan guru pengkaji telah memikirkan dan menentukan lima topik yang berbeza berdasarkan kesesuaian mengikut tema dan tahap kebolehan para pelajar. Setiap minggu, pelajar akan



diberikan pemberitahuan untuk memulakan tugas yang baharu. Ada antara tugas ini dilakukan dalam waktu kurikulum dan ada juga dilakukan di luar waktu kurikulum. Mereka diberikan klip video untuk ditonton, dan kemudian memberikan respons mereka melalui ruang yang disediakan. Nota-nota yang berkaitan dengan perbualan lisan juga dimuatnaikkan seperti nota tentang penggunaan penanda wacana, contoh-contoh bagi permulaan ayat respons, teknik [5Ws & 1H] dan teknik Respons, Huraian, Contoh dan Pandangan (RHCP) dan sebagainya bagi membantu para pelajar ketika memberikan respons mereka. Di peringkat ini, para pelajar boleh membuat pembacaan secara sendiri untuk mendalami topik tersebut. Cara ini dapat mengukuhkan lagi respons mereka. Sebagai contoh, bagi topik pertama, *Denggi*, para pelajar dapat mencari lebih maklumat tentang penyakit ini di Singapura, kesan-kesannya dan juga langkah-langkah pengawalan yang telah diambil oleh pemerintah. Proses ini juga diharapkan dapat menjana wacana intelektual antara para pelajar, sementara guru bertindak sebagai pemudah cara.

Selepas Pelaksanaan

Setelah tujuh minggu, para responden dari kedua-dua peringkat diberikan borang soal selidik bagi menjawab beberapa soalan mengenai penggunaan *iTunes U* dalam pembelajaran lisan yang telah mereka lalui. Ada juga kumpulan-kumpulan kecil yang diwawancara secara lisan. Setelah pelaksanaan sesi-sesi pengajaran lisan itu, bagi responden dari kumpulan Menengah 2 Ekspres, para guru menjalankan ujian prapeperiksaan bagi lisan sebagai latihan sebelum mereka menduduki peperiksaan lisan pada Semester yang ke-dua. Markah bagi ujian ini diambil dan dibandingkan dengan markah yang telah mereka raih dalam peperiksaan lisan pada tahun lepas.

DAPATAN KAJIAN DAN PERBANDINGAN

Berdasarkan pemantauan dan pemerhatian guru, para pelajar menunjukkan kesungguhan dan tahap pelibatan yang proaktif dalam setiap sesi yang dijalankan. Respons yang diberikan oleh pelajar memperlihatkan kematangan dari segi perbincangan mereka mengenai topik-topik yang telah diberikan. Dapat dilihat bahawa para pelajar dapat menghuraikan dan memberikan pandangan peribadi mereka. Pembelajaran sendiri juga dapat dipupuk dalam



kalangan pelajar. Sebagai contoh, bagi tema 'kerja kemasyarakatan', Pelajar A dapat mencari nilai yang berkaitan dengan tema dan mengaitkan topik ini dengan konsep gotong-royong dan memberikan pandangan peribadinya tentang sebab-sebab sikap gotong-royong ini semakin luntur dan hilang dalam masyarakat pada masa kini.

Tema: Kerja Kemasyarakatan

Respons Pelajar A

"Klip video tersebut memaparkan tema *Kerja Kemasyarakatan*. *Kerja Kemasyarakatan* merupakan kerja-kerja yang dilakukan untuk membantu mereka yang memerlukan. Antara kerja-kerja kemasyarakatan yang pernah saya lakukan adalah.....

Sewaktu menonton klip video ini, saya terfikir tentang semangat gotong-royong. Pada pendapat saya, kita sudah jarang melihat sikap ini ditunjukkan dalam kalangan masyarakat Singapura. Pada waktu dahulu, kita boleh lihat ramai yang akan membantu antara satu sama lain dan bekerjasama, terutama dalam kerja-kerja kemasyarakatan. Oleh sebab kita terlalu sibuk dengan hal masing-masing, sikap ini sudah tidak dapat dilihat dengan meluas.

Selain itu, pelajar juga melahirkan rasa puas hati terhadap kaedah pembelajaran sebegini. Mereka juga begitu serasi dengan pendekatan yang digunakan kerana diberikan peluang untuk terlibat sama dalam proses pembelajaran pada beberapa sesi yang telah dijalankan. Respons di bawah mengutarakan perkara-perkara yang dinyatakan:

Pelajar B - Menengah 1 (respons verbal, wawancara)

"Sekarang, lisan lebih interaktif. Saya juga diberi peluang mendalami topik-topik semua, dalam masa saya sendiri. Lagipun saya dapat mengomen (*memberikan komen/pendapat*) apa yang telah kawan saya berikan dalam forum."



Pelajar C - Menengah 1 (respons verbal, wawancara)


“Saya suka *iTunes U* sebab bagus, dapat gunakan *iPad* di dalam kelas!”

Pelajar D - Menengah 2 (respons verbal, wawancara)


“Tahun lepas saya rasa macam tak cukup persiapan untuk lisan. Sekarang lebih baik sebab kami diberikan masa di luar kelas untuk gunakan *iPad* dan belajar.” Bersandarkan borang soal selidik yang telah diberikan, para pelajar Menengah 2 Ekspres mengakui keberkesanan dan keseronokan yang ada dalam sesi-sesi tersebut. Rajah berikut menunjukkan respons mereka terhadap:

1. tahap pelibatan pelajar dengan penggunaan *iTunes U*
2. tahap keseronokan pelajar dengan penggunaan *iTunes U*
3. tahap keberkesanan dan pemahaman dengan penggunaan *iTunes U*
4. tahap keyakinan dengan penggunaan *iTunes U*

Rajah 1: Maklum Balas Pelajar Mengenai Penggunaan *iTunes U*



(Menengah 2 Ekspres)



Secara syumul, pasukan guru pengkaji melihat peningkatan yang menggalakkan dalam proses pembelajaran lisan dalam kalangan pelajar. Yang lebih memberangsangkan adalah dengan penggunaan *iTunes U* dalam pembelajaran lisan, tahap keyakinan pelajar semakin meningkat kalau dibandingkan dengan sebelum *iTunes U* diperkenalkan. Dari segi keseronokan yang dialami pelajar ketika menjalani sesi-sesi tersebut, dapat dilihat bahawa pelajar berasa teruja dan mahu menghasilkan yang terbaik dalam setiap sesi yang dijalankan. Melalui Rajah 2 juga, gred kepujian bagi komponen bacaan lantang dan perbualan berdasarkan video juga menampakkan peningkatan yang memberangsangkan.

KESIMPULAN

Dalam proses menjalankan kajian tindakan ini, pelbagai cabaran yang dihadapi pasukan pengkaji. Pasukan pengkaji perlu menentukan jumlah sesi dan waktu yang paling sesuai dan mencukupi bagi tempoh keseluruhan kursus ini. Dalam melakarkan rangka kursus, beberapa faktor perlu dipertimbangkan. Pemilihan bahan-bahan yang sesuai merupakan sebahagian daripada tugas yang perlu dilakukan secara teliti pada peringkat prapelaksanaan. Perkara ini memerlukan



kerjasama sekumpulan guru dalam proses menyemak kesemua bahan tersebut. Perlu dinyatakan juga bahawa penting sekali intervensi dari pihak guru pada masa-masa yang tertentu agar perbincangan dan sesi-sesi yang dijalankan dapat diteruskan dengan teratur. Pelajar perlu diberikan panduan sebelum setiap kursus dimulakan agar segalanya terbimbing dan matlamat setiap kursus dapat dicapai.

Yang nyata, pasukan pengkaji menggunakan teknologi dalam pengajaran. Pengajaran dan pembelajaran Bahasa Melayu diharapkan tidak akan dianggap sesuatu yang membosankan dan tidak relevan selagi usaha untuk mempelbagai strategi pengajaran dan memperkaya pengetahuan pedagogi para pendidik diteruskan.

Penggunaan *iTunes U* di dalam pengajaran dan pembelajaran di Sekolah Menengah Ngee Ann masih lagi di tahap permulaan. Pasukan pengkaji berharap agar dapat memperdalam dan memperluas penggunaan platform digital ini pada masa yang akan datang.

Guru-guru berikut turut serta dalam kajian yang dijalankan:

- Muhamad Zahirrudin Mohamad Ayub
- Nurulhuda Abdul Hamid

RUJUKAN

- Jonassen David H. (1996). *Handbook of Research on Educational Communications and Technology: A Project of the Association for Educational Communications and Technology*. Macmillan Library Reference
- Premsky M. (2012). *From Digital Natives to Digital Wisdom: Hopeful Essays for 21st Century Learning*. Thousand Oaks: Corwin.

SUMBER DALAM TALIAN

- Marvin E. (2012). *Integrating iPads Into The Classroom*. Union University.

